



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 20

30hb September 2004

TAMBAHAN No. 102
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 338.

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2004**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan Jadual Pertama) 2004**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 September 2004.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian I—

- (a) dalam perenggan 1, dengan memotong perkataan “dan pemindahan wang secara elektronik”;
- (b) dalam perenggan 3, dengan memotong perkataan “perniagaan tanda kredit,”; dan

<i>Offences</i>		<i>Description*</i>
110F.	Section 476	Counterfeiting a device or mark used for authenticating documents other than those described in section 467 or possessing counterfeit marked material
110G.	Section 477	Fraudulent cancellation, destruction, <i>etc.</i> , of a will
110H.	Section 477A	Falsification of accounts

Made 28 September 2004
[BNM/JUU; PN(PU²)622/II]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO' TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG
Deputy Minister of Finance II

P.U. (A) 340.

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
(PENGUNAAN BAHAGIAN IV) (No. 2) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) 2004**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 September 2004.

Penggunaan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24

2. (1) Peruntukan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan berkenaan dengan—

- (a) anggota yang memiliki sijil amalan yang sah yang dikeluarkan menurut kaedah 9 Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001 [*P.U. (A) 343/2001*];

- (b) peguam bela dan peguam cara sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];
- (c) orang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 [*Sabah Bab 2*]; dan
- (d) orang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 [*Sarawak Bab 110*],

apabila mereka menyediakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti berikut untuk klien mereka:

- (i) membeli dan menjual harta tak alih;
- (ii) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;
- (iii) menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;
- (iv) mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat-syarikat; atau
- (v) menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

(2) Peruntukan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan berkenaan dengan orang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat bagi sesuatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], apabila mereka, secara bersendirian atau melalui suatu firma atau syarikat, menyediakan atau menjalankan aktiviti-aktiviti berikut bagi klien mereka:

- (a) bertindak sebagai ejen yang menubuhkan entiti undang-undang;
- (b) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pengarah atau setiausaha sesuatu syarikat, seorang pekongsi sesuatu perkongsian, atau suatu kedudukan yang seumpamanya berhubung dengan entiti undang-undang yang lain;
- (c) mengadakan suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menyurat atau pentadbiran bagi sesuatu syarikat, perkongsian atau apa-apa entiti undang-undang atau perkiraan lain;
- (d) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang amanah sesuatu amanah nyata; atau
- (e) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang syer nomini bagi seorang yang lain.

Dibuat 28 September 2004
[BNM/JUU; PN(PU²)622/II]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan

DATO' TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG
Timbalan Menteri Kewangan II

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001**ANTI-MONEY LAUNDERING (INVOCATION OF PART IV) (No. 2) ORDER 2004**

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering Act 2001 [*Act 613*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) (No. 2) Order 2004**.

(2) This Order comes into operation on 30 September 2004.

Invocation of paragraph 14(b), sections 20 and 24

2. (1) The provisions of paragraph 14(b), sections 20 and 24 of the Act are invoked in respect of—

- (a) members who hold valid practising certificates issued pursuant to rule 9 of the Malaysian Institute of Accountants (Membership and Council) Rules 2001 [*P.U. (A) 343/2001*];
- (b) advocates and solicitors as defined in the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*];
- (c) persons admitted as advocates pursuant to the Advocate Ordinance Sabah 1953 [*Sabah Cap. 2*]; and
- (d) persons admitted as advocates pursuant to the Advocate Ordinance Sarawak 1953 [*Sarawak Cap. 110*],

when they prepare or carry out the following activities for their clients:

- (i) buying and selling of immovable property;
- (ii) managing client's money, securities or other property;
- (iii) managing of accounts including savings and securities accounts;
- (iv) organising of contributions for the creation, operation or management of companies; or
- (v) creating, operating or managing of legal entities or arrangements and buying and selling of business entities.

(2) The provisions of paragraph 14(b), sections 20 and 24 of the Act are invoked in respect of persons prescribed by the Minister or licensed by the Registrar of Companies to act as a company secretary of a company pursuant to section 139A of the Companies Act 1965 [*Act 125*], when they, whether in person or through a firm or company, prepare or carry out the following activities for their clients:

- (a) acting as a formation agent of legal entities;

- (b) acting as (or arranging for another person to act as) a director or secretary of a company, a partner of a partnership, or a similar position in relation to other legal entities;
- (c) providing a registered office, business address or accommodation, correspondence or administrative address for a company, a partnership or any other legal entities or arrangement;
- (d) acting as (or arranging for another person to act as) a trustee of an expressed trust; or
- (e) acting as (or arranging for another person to act as) a nominee shareholder for another person.

Made 28 September 2004
[BNM/JUU; PN(PU²)622/II]

On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATO' TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG
Deputy Minister of Finance II

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 16

10hb Ogos 2006

*TAMBAHAN No. 82
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 285.

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (NEGARA REPUBLIK INDONESIA)
(PINDAAN) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Republik Indonesia) (Pindaan) 2006.**

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Indonesia (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

(ii) by inserting after paragraph 23 the following paragraphs:

“24. Activities carried out by the Corporation as defined in the Public Trust Corporation Act 1995 [*Act 532*].

25. Activities carried out by a moneylender as defined in the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*].

26. Pawnbroking business as defined in the Pawnbrokers Act 1972 [*Act 81*].

27. Estate agency practice as defined in the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981 [*Act 242*].

28. Management of unit trust scheme or prescribed investment scheme as defined under the Securities Commission Act 1993 [*Act 498*] by a management company.

29. Activities carried out by any person, who has obtained permission to operate remittance services under the Exchange Control Act 1953 [*Act 17*].” and

(b) in Part II—

(i) by renumbering the existing provision as paragraph 1; and

(ii) by inserting after paragraph 1 the following paragraph:

“2. Activities carried out by a listing sponsor and a trading agent as defined in the Labuan Offshore Securities Industry Act 1998 [*Act 579*].”.

Made 8 August 2006

[BNM. JUN. 1125/36/03; PN(PU²)622/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

P.U. (A) 293.

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM
(PENGUNAAN BAHAGIAN IV) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 [*Akt 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) 2006**.

(2) Perenggan 2, 3 dan 4 mula berkuat kuasa pada 10 Ogos 2006.

(3) Perenggan 5 mula berkuat kuasa pada 1 September 2006.

Penggunaan perenggan 14(b) dan seksyen 24

2. Peruntukan perenggan 14(b) dan seksyen 24 Akta digunakan berkenaan dengan—

- (a) pemberi pinjam wang berlesen di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*];
- (b) pemegang pajak gadai sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [*Akta 81*]; dan
- (c) ejen harta tanah berdaftar sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen-Ejen Harta Tanah 1981 [*Akta 242*].

Penggunaan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24

3. (1) Peruntukan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24 Akta digunakan berkenaan dengan—

- (a) syarikat-syarikat amanah sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*]; dan
- (b) Perbadanan sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [*Akta 532*],

apabila mereka menjalankan aktiviti berikut bagi klien mereka:

- (i) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha suatu syarikat, seorang pekongsi suatu perkongsian atau apa-apa kedudukan yang seumpamanya berrhubung dengan entiti undang-undang yang lain;
- (ii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang amanah suatu amanah nyata; atau
- (iii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang syer penama bagi seorang yang lain.

(2) Peruntukan perenggan 14(b), seksyen 20 dan 24 Akta digunakan berkenaan dengan—

- (a) syarikat pengurusan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Surunjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*] untuk mengurus skim amanah saham atau pelaburan yang ditetapkan sebagaimana ditakrifkan dalam Akta tersebut;

- (b) pengurus dana yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*];
- (c) pengurus dana niaga hadapan sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*];
- (d) Malaysian Building Society Berhad, berhubung dengan perniagaan kredit bangunan sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*];
- (e) pengendali perkhidmatan kiriman wang yang telah mendapat kebenaran di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*] atau pemberitahuan bertulis di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003 [*Akta 627*]; dan
- (f) pengeluar kad caj dan kad kredit yang tidak bergabung dengan mana-mana bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] dan mana-mana bank Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*].

Penggunaan seksyen 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 dan 28

4. (1) Peruntukan seksyen 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 dan 28 Akta digunakan berkenaan dengan—

- (a) pemegang lesen sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Pertaruhan Pool 1967 [*Akta 384*];
- (b) agensi totalizator sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Perlumbaan (Lembaga Totalizator) 1961 [*Akta 494*];
- (c) kelab lumba kuda sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 [*Akta 404*];
- (d) kasino berlesen yang menjalankan perniagaan perjudian di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [*Akta 289*];
- (e) Bank Pertanian Malaysia, suatu institusi yang ditetapkan sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
- (f) orang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai seorang setiausaha syarikat bagi suatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], apabila mereka, sama ada secara bersendirian atau melalui suatu firma atau syarikat, menyedia atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi klien mereka:
 - (i) bertindak sebagai ejen yang menubuhkan entiti undang-undang;
 - (ii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha sesuatu syarikat, seorang pekongsi suatu perkongsian, atau suatu kedudukan yang seumpamanya berhubung dengan entiti undang-undang yang lain;

(iii) mengadakan suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menyurat atau pentadbiran bagi suatu syarikat, suatu perkongsian atau apa-apa entiti undang-undang atau perkiraan lain;

(iv) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang amanah sesuatu amanah nyata; atau

(v) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang syer penama bagi seorang yang lain; dan

(g) notari awam sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Notari Awam 1959 [*Akta 115*] apabila mereka menggunakan kuasa dan fungsi di bawah Akta itu berhubung dengan aktiviti yang berikut bagi klien mereka:

(i) membeli dan menjual harta tak alih;

(ii) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;

(iii) menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;

(iv) menganjur sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat; atau

(v) menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

(2) Peruntukan seksyen 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 dan 28 Akta digunakan berkenaan dengan—

(a) anggota yang memiliki sijil amalan yang sah yang dikeluarkan menurut kaedah 9 Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001 [*P.U. (A) 343/2001*];

(b) peguam bela dan peguam cara sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

(c) orang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sabah 1953 [*Sabah Bab 2*]; dan

(d) orang yang diterima sebagai peguam bela menurut Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 [*Sarawak Bab 110*],

apabila mereka menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut untuk klien mereka:

(i) membeli dan menjual harta tak alih;

(ii) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;

(iii) menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;

- (iv) menganjur sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat-syarikat; atau
- (v) menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

Penggunaan perenggan 14(a)

5. Menteri menggunakan peruntukan perenggan 14(a) Akta berkenaan dengan institusi yang menjalankan perniagaan perbankan, perniagaan syarikat kewangan, perniagaan bank saudagar dan perniagaan perbankan Islam bagi transaksi tunai mana-mana orang bagi jumlah lima puluh ribu ringgit dan ke atas dalam satu hari.

Dibuat 8 Ogos 2006

[BNM. JUN. 1125/36/03; PN(PU²)622/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

ANTI-MONEY LAUNDERING ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING (INVOCATION OF PART IV)
ORDER 2006

In exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering Act 2001 [*Act 613*], the Minister, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) Order 2006**.

(2) Paragraphs 2, 3 and 4 come into operation on 10 August 2006.

(3) Paragraph 5 comes into operation on 1 September 2006.

Invocation of paragraph 14(b) and section 24

2. The provisions of paragraph 14(b) and section 24 of the Act are invoked in respect of—

(a) moneylenders licensed under the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*];

(b) pawnbrokers as defined under the Pawnbrokers Act 1972 [*Act 81*];
and

- (c) registered estate agents as defined under the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981 [Act 242].

Invocation of paragraph 14(b), sections 20 and 24

3. (1) The provisions of paragraph 14(b), sections 20 and 24 of the Act are invoked in respect of—

- (a) trust companies as defined in the Trust Companies Act 1949 [Act 100]; and
- (b) the Corporation as defined in the Public Trust Corporation Act 1995 [Act 532],

when they carry out the following activities for their clients:

- (i) act as (or arrange for another person to act as) a director or secretary of a company, a partner of a partnership or any similar position in relation to other legal entities;
- (ii) act as (or arrange for another person to act as) a trustee of an express trust; or
- (iii) act as (or arrange for another person to act as) a nominee shareholder for another person.

(2) The provisions of paragraph 14(b), sections 20 and 24 of the Act are invoked in respect of—

- (a) management companies approved by the Securities Commission under the Securities Commission Act 1993 [Act 498] to manage unit trust schemes or prescribed investments as defined in that Act;
- (b) fund managers licensed by the Securities Commission under the Securities Industry Act 1983 [Act 280];
- (c) futures fund managers as defined under the Futures Industry Act 1993 [Act 499];
- (d) Malaysian Building Society Berhad, in relation to building credit business as defined in the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372];
- (e) remittance service providers who have obtained permission under the Exchange Control Act 1953 [Act 17] or written notification under the Payment Systems Act 2003 [Act 627]; and
- (f) issuers of charge cards and credit cards which are not affiliated with any licensed bank under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372] and any Islamic bank under the Islamic Banking Act 1983 [Act 276].

Invocation of sections 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 and 28

4. (1) The provisions of sections 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 and 28 of the Act are invoked in respect of—

- (a) licensees as defined in the Pool Betting Act 1967 [Act 384];
- (b) totalizator agencies as defined in the Racing (Totalizator Board) Act 1961 [Act 494];
- (c) racing clubs as defined in the Racing Club (Public Sweepstakes) Act 1965 [Act 404];
- (d) licensed casinos carrying on gaming business under the Common Gaming Houses Act 1953 [Act 289];
- (e) Bank Pertanian Malaysia, a prescribed institution as defined in the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618];
- (f) persons prescribed by the Minister or licensed by the Registrar of Companies to act as a company secretary of a company pursuant to section 139A of the Companies Act 1965 [Act 125], when they, whether in person or through a firm or company, prepare or carry out the following activities for their clients:
 - (i) act as a formation agent of legal entities;
 - (ii) act as (or arrange for another person to act as) a director or secretary of a company, a partner of a partnership, or a similar position in relation to other legal entities;
 - (iii) provide a registered office, business address or accommodation, correspondence or administrative address for a company, a partnership or any other legal entities or arrangement;
 - (iv) act as (or arrange for another person to act as) a trustee of an expressed trust; or
 - (v) act as (or arrange for another person to act as) a nominee shareholder for another person; and
- (g) notaries public as defined in the Notaries Public Act 1959 [Act 115] when they exercise their powers and functions under that Act in relation to the following activities for their clients:
 - (i) buy and sell immovable property;
 - (ii) manage client's money, securities or other property;
 - (iii) manage accounts including savings and securities accounts;
 - (iv) organize contributions for the creation, operation or management of companies; or
 - (v) create, operate or manage legal entities or arrangements and buy and sell business entities.

(2) The provisions of sections 13, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 25, 26, 27 and 28 of the Act are invoked in respect of—

- (a) members who hold valid practising certificates issued pursuant to rule 9 of the Malaysian Institute of Accountants (Membership and Council) Rules 2001 [*P.U. (A) 343/2001*];
- (b) advocates and solicitors as defined in the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*];
- (c) persons admitted as advocates pursuant to the Advocate Ordinance Sabah 1953 [*Sabah Cap. 2*]; and
- (d) persons admitted as advocates pursuant to the Advocate Ordinance Sarawak 1953 [*Sarawak Cap. 110*],

when they prepare or carry out the following activities for their clients:

- (i) buy and sell immovable property;
- (ii) manage client's money, securities or other property;
- (iii) manage accounts including savings and securities accounts;
- (iv) organize contributions for the creation, operation or management of companies; or
- (v) create, operate or manage legal entities or arrangements and buy and sell business entities.

Invocation of paragraph 14(a)

5. The Minister invokes paragraph 14(a) of the Act in respect of institutions carrying on banking business, finance company business, merchant banking business and Islamic banking business for cash transactions of any person for the amount of fifty thousand ringgit and above in a day.

Made 8 August 2006

[BNM. JUN. 1125/36/03; PN(PU²)622/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

Lampiran 2(a): Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) (Pindaan) 2021



30 Disember 2021
30 December 2021
P.U. (A) 494

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

***FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE***

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN
HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM
(PENGUNAAN BAHAGIAN IV) (NO. 2) (PINDAAN) 2021**

***ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES
(INVOCATION OF PART IV) (NO. 2) (AMENDMENT)
ORDER 2021***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001**

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGUNAAN BAHAGIAN IV)
(NO. 2) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwajib, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) (Pindaan) 2021**.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) 2004 [*P.U. (A) 340/2004*] dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

“Penggunaan perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24

2. (1) Perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan ke atas mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 9, 10, 11 dan 12 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:

(a) membeli dan menjual harta tak alih;

(b) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;

- (c) menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;
- (d) mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat; atau
- (e) menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan, dan membeli atau menjual entiti perniagaan.

(2) Perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan ke atas mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 13 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:

- (a) bertindak sebagai ejen yang menubuhkan entiti undang-undang;
- (b) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha suatu syarikat, seorang pekongsi suatu perkongsian, atau suatu kedudukan yang seumpamanya berhubung dengan entiti undang-undang yang lain;
- (c) mengadakan suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menyurat atau pentadbiran bagi suatu syarikat, perkongsian atau apa-apa entiti undang-undang atau perkiraan lain;
- (d) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang amanah suatu amanah nyata; atau

- (e) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang syer nomini bagi seorang yang lain.”.

Dibuat 24 Disember 2021

[BNM.JUN 1125/36/03; PN(PU2)622/JLD.42]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

**ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001**

**ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES ACT (INVOCATION OF PART IV) (NO. 2)
(AMENDMENT) ORDER 2021**

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [*Act 613*], the Minister of Finance, upon the recommendation of the competent authority, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act (Invocation of Part IV) (No. 2) (Amendment) Order 2021**.

Amendment of paragraph 2

2. The Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) (No. 2) Order 2004 [*P.U. (A) 340/2004*] is amended by substituting for paragraph 2 the following paragraph:

“Invocation of paragraph 14(1)(b), and sections 20 and 24

2. (1) Paragraph 14(1)(b), and sections 20 and 24 of the Act shall be invoked on any reporting institution carrying out any activity specified in paragraphs 9, 10, 11 and 12 of the First Schedule to the Act when the reporting institution prepares or carries out the following activities for its clients:

- (a) buying and selling of immovable property;
- (b) managing client's money, securities or other property;
- (c) managing of accounts including savings and securities accounts;

- (d) organizing of contributions for the creation, operation or management of companies; or
- (e) creating, operating or managing of legal entities or arrangements, and buying and selling of business entities.

(2) Paragraph 14(1)(b), and sections 20 and 24 of the Act shall be invoked on any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 13 of the First Schedule to the Act when the reporting institution prepares or carries out the following activities for its clients:

- (a) acting as a formation agent of legal entities;
- (b) acting as (or arranging for another person to act as) a director or secretary of a company, a partner of a partnership, or a similar position in relation to other legal entities;
- (c) providing a registered office, business address or accommodation, correspondence or administrative address for a company, a partnership or any other legal entities or arrangement;
- (d) acting as (or arranging for another person to act as) a trustee of an expressed trust; or
- (e) acting as (or arranging for another person to act as) a nominee shareholder for another person.”.

Made 24 December 2021
[BNM.JUN 1125/36/03; PN(PU2)622/JLD.42]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

Lampiran 2(b): Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (Pindaan) 2021



30 Disember 2021
30 December 2021
P.U. (A) 495

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

***FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE***

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG
HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN
DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM
(PENGUNAAN BAHAGIAN IV) (PINDAAN) 2021**

***ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES
(INVOCATION OF PART IV) (AMENDMENT) ORDER 2021***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001**

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGUNAAN BAHAGIAN IV)
(PINDAAN) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwibawa, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (Pindaan) 2021**.

Pindaan perenggan 2

2. **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) 2006** [*P.U. (A) 293/2006*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subsubperenggan (c) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(c) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 23 Jadual Pertama kepada Akta.”.

Pindaan perenggan 4

3. **Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—**

(a) dalam subsubperenggan (1)(f), dengan menggantikan perkataan “orang yang ditetapkan oleh Menteri atau dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai seorang setiausaha syarikat bagi suatu syarikat menurut seksyen 139A Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], apabila mereka, sama ada secara bersendirian atau melalui suatu firma atau syarikat, menyediakan atau menjalankan aktiviti berikut bagi klien

mereka:” dengan perkataan “mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 13 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:”; dan

(b) dalam subperenggan (2)—

(i) dengan menggantikan subsubperenggan (a) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(a) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 9 Jadual Pertama kepada Akta;”;

(ii) dengan menggantikan subsubperenggan (b) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(b) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 10 Jadual Pertama kepada Akta;”;

(iii) dengan menggantikan subsubperenggan (c) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(c) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 11 Jadual Pertama kepada Akta; dan”;

- (iv) dengan menggantikan subsubperenggan (d) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(d) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 12 Jadual Pertama kepada Akta,”; dan

- (v) dengan menggantikan perkataan “apabila mereka menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut untuk klien mereka:” dengan perkataan “apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut untuk kliennya:”.

Dibuat 24 Disember 2021

[BNM.JUN 1125/36/03; PN(PU2)662/Jld. 42]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

**ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001**

**ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES (INVOCATION OF PART IV) (AMENDMENT) ORDER 2021**

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [Act 613], the Minister of Finance, upon the recommendation of the competent authority, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Invocation of Part IV) (Amendment) Order 2021**.

Amendment of paragraph 2

2. The Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) Order 2006 [P.U. (A) 293/2006], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 2 by substituting for subsubparagraph (c) the following subsubparagraph:

“(c) any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 23 of the First Schedule to the Act.”.

Amendment of paragraph 4

3. Paragraph 4 of the principal Order is amended—
 - (a) in subsubparagraph (1)(f), by substituting for the words “persons prescribed by the Minister or licensed by the Registrar of Companies to act as a company secretary of a company pursuant to section 139A of the Companies Act 1965 [Act 125], when they, whether in person or through a firm or company, prepare or carry out the following activities for their clients:” the words “any reporting institution carrying out any

activity specified in paragraph 13 of the First Schedule to the Act when the reporting institution prepares or carries out the following activities for its clients:”; and

(b) in subparagraph (2)—

(i) by substituting for subsubparagraph (a) the following subsubparagraph:

“(a) any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 9 of the First Schedule to the Act;”;

(ii) by substituting for subsubparagraph (b) the following subsubparagraph:

“(b) any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 10 of the First Schedule to the Act;”;

(iii) by substituting for subsubparagraph (c) the following subsubparagraph:

“(c) any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 11 of the First Schedule to the Act; and”;

(iv) by substituting for subsubparagraph (d) the following subsubparagraph:

“(d) any reporting institution carrying out any activity specified in paragraph 12 of the First Schedule to the Act,”; and

- (v) by substituting for the words “when they prepare or carry out the following activities for their clients:” the words “when the reporting institution prepares or carries out the following activities for its clients:”.

Made 24 December 2021

[BNM.JUN 1125/36/03; PN(PU2)662/Jld. 42]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance